



Johan (tengah) dan Khaidir (tiga dari kanan) bersama wakil penerima sumbangan Mitraland di Klang, semalam.

(Foto Sairien Nafis/BH)

## Mitraland serah sumbangan RM257,500

**Klang:** Pemaju perumahan, Mitraland Group (Mitraland) menyumbang RM257,500 kepada empat sekolah, sembilan organisasi amal serta rakan media menerusi program '5KM Charity Fun Run' kali ketujuh di Taman Tasik Rekreasi@Gravit8, di sini, semalam.

Sumbangan adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu.

Program larian amal anjuran Mitraland itu disertai kira-kira 3,000 peserta terdiri daripada pelbagai bangsa dan peringkat usia termasuk pelajar, ibu bapa, guru serta penduduk sekitar Klang.

Larian amal lima kilometer dengan tema adiwira berkenaan dipelantikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Andy Khoo Poh Chye pada jam 8 pagi.

Andy berkata, menerusi program berkenaan, empat sekolah yang terpilih menerima sumbangan ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pin Hwa 1 yang menerima RM42,000 dan SJKC Pandamaran B (RM40,000), SJKC Wu Teck (RM34,000) serta Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Highlands sebanyak RM28,000.

"Wang sumbangan itu berbeza kerana ia mengikut jumlah bayaran penyertaan larian diterima daripada setiap sekolah dan kemudian digandakan sekali ganda.

"Mitraland sentiasa komited dan prihatin dengan pendidikan di sekolah. Sumbangan melalui larian amal ini diharap dapat membantu pembangunan sekolah," katanya.

Sumbangan diserahkan oleh Andy sambil disaksikan Pengurus Besar Mitraland, Tan Chee Hoaw kepada wakil sekolah selepas tamat larian amal itu.

Mitraland juga menyumbang kepada sembilan organisasi amal serta rakan media dengan nilai keseluruhan RM113,500.

Cek disampaikan oleh Pengerusi Mitraland, Datuk Johan Ariffin dan Timbalan Pengerusi Eksekutif, Chuah Theong Yee.

Johan berkata, media dipilih untuk menerima sumbangan kerana pihaknya percaya media mempunyai liputan yang luas, sekali gus berupaya mendekati golongan yang memerlukan dengan lebih berkesan.

"Kami percaya, mereka (media) boleh melakukan kerja (amal) ini dengan lebih baik ke-

rana mempunyai struktur serta yaysan untuk menguruskan sumbangan," katanya.

Terpilih untuk menerima sumbangan adalah The New Straits Time Press menerusi akhbar BH yang diwakili Pengarang Kumpulannya, Khaidir A Majid.

Khaidir berkata, sumbangan berkenaan adalah untuk kegunaan program Suara Komuniti BH iaitu program CSR BH yang memanfaatkan golongan memerlukan.

Organisasi lain yang turut menerima sumbangan adalah Lions Education Foundation, Kiwanis Club TTDI, Pertubuhan Al-Khadem, The Edge Education Fund, The Star Foundation, Yayasan Sin Chew, Yayasan Nanyang (China Press) dan Pertubuhan Waja Home.